



KENTERIAN EKONOMI
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA

**MAJLIS PEMETERAIAN MEMORANDUM PERSEFAHAMAN
MALAYSIA DAN REPUBLIK TAJIKISTAN**

**Malaysia dan Republik Tajikistan Memperkukuhkan Hubungan Dua Hala
Melalui Perjanjian Bersejarah dalam Pembangunan Kapasiti Statistik**

NEW YORK, 4 Mac 2026 – Kerajaan Malaysia dan Kerajaan Republik Tajikistan hari ini telah memeterai Memorandum Persefahaman (MoU) mengenai Kerjasama dalam Bidang Pembangunan Kapasiti Statistik bagi memperkukuh Sistem Statistik Kebangsaan kedua-dua negara. MoU ini mewujudkan kerangka kerjasama selama lima tahun yang berkuat kuasa mulai tarikh pemeteraian. Majlis pemeteraian tersebut telah diadakan di Pejabat Perwakilan Tetap Malaysia ke Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) di New York, bersempena dengan Sesi Suruhanjaya Statistik Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu ke-57 (UNSC57).

MoU tersebut telah ditandatangani oleh YBhg. Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin, Ketua Perangkawan Malaysia, mewakili Kerajaan Malaysia dan Encik Nurmahmadzoda Jamshed, Pengarah Agensi Statistik di bawah Presiden Republik Tajikistan, mewakili Kerajaan Republik Tajikistan. Majlis pemeteraian ini telah disaksikan oleh Tuan Yang Terutama (TYT) Dato' Dr. Ahmad Faisal Muhamad, Duta Besar dan Wakil Tetap Malaysia ke Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu serta TYT Encik Jonibek Hikmat, Wakil Tetap Republik Tajikistan ke Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu. Majlis tersebut turut dihadiri oleh Puan Norhalilah Abdul Jalil, Konsul Jeneral, Konsulat Jeneral Malaysia di New York, serta TYT Zehra Zümrüt Selçuk, Ketua Pengarah Pusat Penyelidikan dan Latihan Statistik, Ekonomi dan Sosial bagi Negara-negara Islam (SESRIC), selaku Sekretariat Suruhanjaya Statistik OIC.

Memorandum ini mencerminkan komitmen bersama kedua-dua Kerajaan untuk memperkukuh dan memodenkan Sistem Statistik Negara masing-masing selaras dengan piawaian statistik antarabangsa serta permintaan ekosistem data global yang kian berkembang. Dalam era transformasi digital yang pesat dan permintaan yang semakin meningkat terhadap data berkualiti tinggi, kolaborasi antara Pejabat Statistik Negara kekal penting, memandangkan pertukaran amalan terbaik, kepakaran profesional dan pengalaman operasi yang terancang menyumbang kepada pemantapan modal insan, memajukan sistem data yang selamat dan saling boleh kendali (*interoperable*), serta memperteguh keupayaan institusi untuk bertindak balas secara berkesan terhadap tuntutan statistik dan tadbir urus yang muncul.

Kerjasama ini akan menggalakkan pemindahan pengetahuan, pelaksanaan inisiatif pembinaan kapasiti bersama, pertukaran teknikal serta pelbagai aktiviti kolaboratif dalam bidang kepentingan bersama, termasuk metodologi statistik, integrasi data, transformasi digital, peningkatan kualiti statistik dan pemantapan institusi. Melalui kerjasama ini, kedua-dua negara menyasarkan untuk memperkukuh modal insan dan daya tahan institusi bagi menyokong pengeluaran statistik yang mampan dalam persekitaran data yang semakin kompleks.

Memorandum ini turut mencerminkan aspirasi bersama yang diketengahkan semasa Sesi UNSC57, khususnya berkaitan peningkatan peranan Kecerdasan Buatan (Artificial Intelligence, AI), Data Raya dan sumber data alternatif dalam pengeluaran statistik moden. Selain itu, ia selari dengan seruan global untuk membangunkan ukuran kemajuan yang lebih komprehensif yang melangkaui penunjuk ekonomi tradisional seperti Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK), seiring dengan penekanan UNSC terhadap metrik pembangunan yang lebih holistik, inklusif dan berpandangan ke hadapan

Komitmen Malaysia terhadap agenda ini turut dizahirkan melalui Pelan Strategik Jabatan Perangkaan Malaysia 2026–2030, yang menggariskan pelan hala tuju komprehensif bagi memodenkan sistem statistik negara. Pelan ini menumpukan kepada pengukuhan keupayaan institusi, mempercepatkan transformasi digital serta memperluas kerjasama antarabangsa bagi memastikan Malaysia kekal sebagai penyumbang yang aktif dan dipercayai dalam komuniti statistik global.

Melalui MoU ini, Malaysia dan Republik Tajikistan akan memperkukuh pembangunan modal insan, kepakaran teknikal dan kapasiti institusi dalam bidang seperti transformasi statistik digital, analisis statistik berdayakan AI, integrasi data raya, inovasi metodologi dan sistem penyebaran data moden. Sehubungan itu, MoU ini menyediakan platform terancang bagi pertukaran pengetahuan dan kerjasama teknikal, sekali gus membolehkan kedua-dua negara membangunkan sistem statistik yang berdaya tahan dan bersedia menghadapi cabaran masa hadapan dalam memenuhi keperluan data global yang semakin berkembang.

Kolaborasi ini turut menyumbang kepada usaha antarabangsa yang lebih luas dalam memperkukuh kapasiti statistik dalam kalangan negara anggota OIC, selaras dengan inisiatif yang diterajui oleh SESRIC untuk menggalakkan perkongsian pengetahuan, kerjasama teknikal dan pembangunan institusi merentasi komuniti statistik OIC.

Malaysia dan Tajikistan telah pun menunjukkan komitmen terhadap kerjasama ini melalui kejayaan pelaksanaan sesi perkongsian pengetahuan secara dalam talian pada 23 Januari 2025. Semasa sesi tersebut, wakil daripada Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) dan Agensi Statistik Tajikistan telah bertukar pandangan mengenai kerangka institusi, peranan pejabat serantau, pencapaian dalam pengumpulan data, keutamaan strategik dan pelan pembangunan masa hadapan, termasuk tinjauan keseluruhan sistem statistik negara Tajikistan. Penglibatan awal ini telah membina asas kepercayaan dan persefahaman yang kukuh, sekali gus membuka laluan kepada kerjasama yang lebih mendalam dan terancang di bawah Memorandum ini.

Dalam ucapannya, YBhg. Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin menegaskan bahawa, "Sistem Statistik Negara yang kukuh dan berdaya tahan merupakan tonggak utama tadbir urus yang baik. Melalui perkongsian ini, Malaysia mengesahkan komitmennya untuk berkongsi kepakaran, memperkukuh modal insan dan mempertingkatkan keupayaan institusi untuk memastikan statistik rasmi kekal boleh dipercayai, relevan dan responsif terhadap cabaran dasar kontemporari. Kolaborasi antara Pejabat Statistik Negara turut meningkatkan kapasiti kolektif dalam menyokong penggubalan dasar berasaskan bukti serta memacu pembangunan mampan di peringkat nasional dan global."

Pemeteraian Memorandum ini menandakan satu mercu tanda penting dalam kerjasama dua hala antara Malaysia dan Tajikistan serta memperteguh visi bersama kedua-dua negara untuk memartabatkan statistik rasmi sebagai tunjang utama kepada pembangunan inklusif, ketelusan dan kerjasama antarabangsa dalam ekosistem data global.

MoU ini merupakan kerjasama statistik antarabangsa Malaysia yang ketiga dalam beberapa tahun kebelakangan ini, menyusuli perkongsian strategik dengan SESRIC dan Republik Uzbekistan. Inisiatif ini mencerminkan penglibatan proaktif Malaysia dalam memajukan kerjasama statistik antarabangsa dan pembangunan kapasiti, terutamanya dalam kalangan negara anggota OIC dan rakan kerjasama yang lain.

Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) sedang melaksanakan **Banci Ekonomi 2026 (BE2026)** dengan tema "**Data Nadi Ekonomi Rakyat**". Pelaksanaan Banci Ekonomi kali keenam ini berlangsung dari **5 Januari hingga 31 Oktober 2026**. BE2026 bertujuan untuk mengumpul data yang menyeluruh dan berstruktur daripada semua pertubuhan perniagaan berdaftar dan tidak berdaftar di Malaysia, bagi menilai prestasi, struktur serta ciri-ciri ekonomi negara secara komprehensif dan berasaskan bukti.

Malaysia buat julung kalinya telah menduduki **tangga pertama (1)** di peringkat global dalam laporan dwi-tahunan **Open Data Inventory (ODIN) 2024/25** yang dikeluarkan oleh Open Data Watch (ODW), mengatasi 197 negara lain. Pencapaian ini merupakan lonjakan ketara daripada kedudukan ke-67 dalam penilaian ODIN 2022/23.

OpenDOSM NextGen adalah medium yang menyediakan katalog data dan visualisasi bagi memudahkan pengguna menganalisis pelbagai data dan boleh diakses melalui portal <https://open.dosm.gov.my>.

Dikeluarkan oleh:

PEJABAT KETUA PERANGKAWAN MALAYSIA
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA
5 MAC 2026



**MINISTRY OF ECONOMY
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA**

MEDIA STATEMENT

**MALAYSIA AND THE REPUBLIC OF TAJIKISTAN
MOU SIGNING CEREMONY**

**Malaysia and the Republic of Tajikistan Elevate Bilateral Ties Through
Landmark Agreement on Statistical Capacity Development**

NEW YORK, 4th March 2026 – The Government of Malaysia and the Government of the Republic of Tajikistan today formalised a Memorandum of Understanding (MoU) on Cooperation in the Field of Statistical Capacity Development to strengthen the National Statistical Systems of both countries. The MoU establishes a five-year framework for cooperation effective from the date of signing. The signing ceremony was held at the Office of the Permanent Mission of Malaysia to the United Nations in New York, on the sidelines of the 57th Session of the United Nations Statistical Commission (UNSC57).

The MoU was signed by YBhg. Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin, Chief Statistician Malaysia, representing the Government of Malaysia, and Mr. Nurmahmadzoda Jamshed, Director of the Agency on Statistics under the President of the Republic of Tajikistan, representing the Government of the Republic of Tajikistan. The ceremony was witnessed by His Excellency (H.E.) Dato' Dr. Ahmad Faisal Muhamad, Ambassador and Permanent Representative of Malaysia to the United Nations and H.E. Mr. Jonibek Hikmat, Permanent Representative of the Republic of Tajikistan to the United Nations. The event was also attended by Ms. Norhalilah Abdul Jalil, Consul General, Consulate General of Malaysia, New York and H.E. Zehra Zümrüt Selçuk, Director General of the Statistical, Economic and Social Research and Training Centre for Islamic Countries (SESRIC), as the Secretariat of the OIC Statistical Commission.

This Memorandum reflects the shared commitment of both Governments to strengthen and modernise their National Statistical Systems in accordance with international statistical standards and the evolving demands of the global data ecosystem. In an era of rapid digital transformation and increasing demand for high-quality data, collaboration among National Statistical Offices remains essential, as the structured exchange of best practices, professional expertise and operational experience contributes to strengthening human capital, advancing secure and interoperable data systems, and reinforcing institutional capabilities to respond effectively to emerging statistical and governance demands.

The partnership will promote knowledge transfer, joint capacity-building initiatives, technical exchanges and collaborative activities in areas of mutual interest, including statistical methodology, data integration, digital transformation, statistical quality enhancement and institutional strengthening. Through this collaboration, both countries aim to strengthen human capital and institutional resilience to support sustainable statistical production in an increasingly complex data environment.

This Memorandum reflects the shared aspirations highlighted at the **UNSC57**, particularly the growing importance of **Artificial Intelligence (AI)**, **Big Data** and alternative data sources in modern statistical production. It also reinforces the global call to develop broader measures of progress that extend beyond traditional economic indicators such as Gross Domestic Product (GDP), in line with the UNSC's emphasis on more holistic, inclusive and forward-looking metrics.

Malaysia's commitment to this agenda is further demonstrated through the **Department of Statistics Malaysia's Strategic Plan 2026–2030**, which outlines a comprehensive roadmap to modernise the national statistical system. This includes strengthening institutional capabilities, accelerating digitalisation and deepening international partnerships to ensure Malaysia remains an active and trusted contributor to the global statistical community.

Through this MoU, Malaysia and the Republic of Tajikistan will strengthen human capital development, technical expertise and institutional capacity in areas such as digital statistical transformation, AI-enabled statistical analysis, big data integration, methodological innovation and modern data dissemination systems. The MoU therefore provides a structured platform for knowledge exchange and technical collaboration, enabling both countries to build future-ready statistical systems capable of responding to emerging global data demands.

The collaboration also contributes to broader international efforts to strengthen statistical capacity among OIC member countries, in line with SESRIC-led initiatives to promote knowledge sharing, technical cooperation, and institutional development across the OIC statistical community.

Malaysia and Tajikistan have already demonstrated its commitment to cooperation through the successful implementation of an online knowledge-sharing session on 23rd January 2025. During the session, representatives from the Department of Statistics Malaysia (DOSM) and the Agency on Statistics of Tajikistan exchanged insights on institutional frameworks, the roles of regional offices, achievements in data collection, strategic priorities and future development plans, and an overview of Tajikistan's national statistical system. This early engagement established a strong foundation of mutual trust and understanding, paving the way for deeper and more structured collaboration under the present Memorandum.

In his remarks, YBhg. Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin emphasised that, "Strong and resilient National Statistical Systems are fundamental pillars of good governance. Through this partnership, Malaysia reaffirms its commitment to sharing expertise,

strengthening human capital and advancing institutional capabilities to ensure that official statistics remain credible, relevant and responsive to contemporary policy challenges. Collaboration among National Statistical Offices enhances our collective capacity to support evidence-based policymaking and sustainable development at both national and global levels."

The signing of this Memorandum marks an important milestone in Malaysia–Tajikistan bilateral cooperation and reinforces both countries' shared vision of strengthening official statistics as a cornerstone of inclusive development, transparency and international cooperation in the global data ecosystem.

This MoU represents Malaysia's third international statistical collaboration in recent years, following strategic partnerships with SESRIC and the Republic of Uzbekistan. It underscores Malaysia's proactive engagement in advancing international statistical cooperation and capacity development, particularly among OIC and partner countries.

The Department of Statistics Malaysia (DOSM) is conducting the **Economic Census 2026 (BE2026)**, with themed "**Data Nadi Ekonomi Rakyat**". The sixth Economic Census, will be carried out from **5th January to 31st October 2026**. BE2026 aims to collect comprehensive and structured data from all registered and unregistered business establishments in Malaysia to assess the nation's economic performance, structure and characteristics in an evidence-based manner.

Malaysia has, for the first time, successfully secured the **top position** globally in the biennial **Open Data Inventory (ODIN) 2024/25** report released by Open Data Watch (ODW), surpassing 197 other countries. This achievement marks a significant leap from its 67th position in the ODIN 2022/23 assessment.

OpenDOSM NextGen is a medium that provides data catalogue and visualisations to facilitate users' analysis and can be accessed through <https://open.dosm.gov.my>.

Released by:

THE OFFICE OF CHIEF STATISTICIAN MALAYSIA
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA
5TH MARCH 2026